

**CELIK AL-QURAN: CABARAN DAN REALITI  
DALAM PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH**

***AL-QURAN AWARENESS: REALITY AND CHALLENGES IN  
ISLAMIC EDUCATION IN SCHOOLS***

**Mohd Faisal Mohamed  
Zawawi Ismail  
Rahimi Md Saad  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya**

*Al-Quran which has been revealed to the Prophet Muhammad (PBUH) is a constitution and the main source of knowledge which needs to be mastered and learnt by all Muslims. Besides that, al-Quran is also an important element in the daily practices of a Muslim. Hence, the Muslim ummah needs to concentrate on learning and understanding the contents of al-Quran especially from the recitation aspect. Studying and teaching al-Quran is a humble and respectful practice that is highly encouraged by Islam. Bearing in mind the above concept, the government is working hand in hand with the Ministry of Education to make teaching of al-Quran an important component in Islamic Education in schools. Nonetheless, how far can its implementation in schools contribute towards increasing student awareness in the teaching of al-Quran? This article will explore and discuss in depth the potential challenges while working towards the success of implementing al-Quran Education in schools at present.*

Pembelajaran al-Quran di sekolah menengah adalah lanjutan daripada pembelajaran kemahiran asas membaca al-Quran di peringkat sekolah rendah. Penekanan kepada pembelajaran al-Quran merupakan satu usaha ke arah pembentukan *insan kamil* dan untuk membimbing murid ke arah petunjuk Allah SWT yang bersumberkan al-Quran.

Dalam konteks pendidikan di sekolah al-Quran menjadi satu komponen daripada mata pelajaran Pendidikan Islam. Mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras dan wajib dipelajari oleh setiap murid Islam di semua peringkat sama ada rendah atau menengah. Mata pelajaran ini wajib diadakan walau pun jumlah murid Islam dalam sebuah sekolah tersebut cuma terdapat 5 orang murid Islam. Ini adalah dasar yang telah ditetapkan kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Dalam Akta Pendidikan 1996

terdapat beberapa kenyataan yang menentukan dasar berkaitan pengkelasan institusi pendidikan, pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam, pengajaran bahasa Arab dan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam. Berikut diperturunkan kenyataan berkaitan iaitu:

Jika di dalam institusi pendidikan terdapat lima orang murid atau lebih yang menganut agama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pendidikan agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Seksyen 50 (1)

Mata pelajaran Pendidikan Islam bagi peringkat menengah yang telah digubalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengandungi lima elemen atau topik yang penting iaitu Tilawah al-Quran, Ibadat, Sirah al Nabawiyah dan Tamadun Islam, Adab atau Cara Hidup Islam dan Aqidah. Dalam topik Tilawah Al-Quran murid ditekankan dengan tiga perkara penting iaitu membaca al-Quran, hukum-hukum tajwid dan pemahaman ayat yang berkaitan serta hafazan ayat-ayat tertentu.

Bahkan pada hari ini, kebanyakan murid tidak tahu membaca al-Quran walaupun mereka telah mempelajarinya dari peringkat sekolah rendah. Ini berdasarkan satu kajian yang telah dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, yang mendapati ramai murid Islam lepasan sekolah rendah tidak tahu membaca al-Quran apabila mereka berada di sekolah menengah (Pusat Perkembangan Kurikulum KPM, 1996).

Berdasarkan senario ini, maka Kementerian Pelajaran Malaysia telah diarahkan bagi menyelesaikan masalah ini. Bagi menyelesaikan masalah buta al-Quran pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengadakan pelbagai program dalam kurikulum dan ko-kurikulum. Contohnya, penekanan bidang Tilawah Al-Quran dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam serta sebagai soalan penting di dalam peperiksaan, mengadakan kelas khas kemahiran al-Quran (kelas aliran agama) dan yang terbaru ialah j-Qaf bermula dari tahun satu. Diharapkan program yang telah disusun dapat membantu pelajar menjadi celik al-Quran.

### **Kolaborasi Masyarakat dalam Merealisasikan Celik al-Quran**

Pembelajaran al-Quran telah bermula sejak kedatangan Islam ke negara ini kira-kira 700 tahun lalu. Sejak tarikh itu hingga sekarang berbagai-bagai cara dan usaha telah dibuat untuk meningkatkan taraf kemampuan orang Islam dalam penguasaan al-Quran. Usaha gigih yang dijalankan oleh setiap pihak ke arah meningkatkan penguasaan al-Quran dilakukan di atas kesedaran bahawa hanya dengan cara itu sahaja generasi muda dapat mengenali dan memahami al-Quran.

Di dalam hal ini, masyarakat Islam Malaysia juga tidak ketinggalan. Walaupun bahasa al-Quran merupakan bahasa yang asing bagi mereka, ini tidak melemahkan semangat mereka untuk mempelajarinya sejak dari awal kedatangan Islam lagi. Mereka telah menubuhkan pondok, madrasah dan sekolah yang mementingkan pembelajaran dan pengajaran bacaan al-Quran yang merupakan langkah pertama ke arah memahami isi kandungannya.

Namun begitu, sehingga hari ini masih didapati kebanyakan umat Islam Malaysia diperingkat umur dewasa yang mengenali huruf-huruf "hijaiyah" tetapi tidak boleh membaca al-Quran atau boleh membaca tetapi tidak lancar malah yang paling menyedihkan ada yang langsung tidak mengenali huruf atau diistilahkan "buta al Quran".

Justeru itu pemerhatian dan kajian perlu ditumpukan ke arah memahami dan menghayati kesan pembelajaran al-Quran terhadap murid supaya dapat dinilai dan dimanfaatkan oleh pelbagai lapisan masyarakat Islam. Murid merupakan sasaran dan elemen yang terbaik untuk dibuat kajian. Ini memandangkan terdapat sukatan pelajaran yang menekankan mata pelajaran al-Quran dari peringkat sekolah rendah disebut sebagai Asas Tilawah Al-Quran dan di sekolah menengah disebut sebagai Tilawah Al-Quran.

Namun begitu, usaha celik al-Quran bukan hanya tanggungjawab pihak Kementerian Pelajaran semata-mata. Ibu bapa masih lagi memainkan peranan yang penting mencorak anak mereka menjadi muslim *syamil* dan *kamil*. Sejak dalam buaian lagi ibu bapa seharusnya sudah mendidik anak-anak cinta kepada al-Quran. Kajian yang telah dilaporkan oleh Rosmawati Umar (1993) dalam Siti Fatimah Sudin (2002) mengenai pembelajaran Tilawah Al-Quran di sebuah sekolah di Kuching, Sarawak, menunjukkan ibu bapa perlu memainkan peranan mendidik anak membaca al-Quran kerana dapatan beliau menunjukkan bahawa terdapat sebilangan kecil murid yang tidak membaca al-Quran disebabkan tidak didedahkan tilawah al-Quran semasa kecil.

Satu kajian kes yang telah dibuat oleh Mohd Yusuf Ahmad dilaporkan kajian Penguasaan Tilawah al-Quran (1997) ke atas 26 orang murid menunjukkan tidak ada seorang murid pun yang dapat membaca al-Quran dengan lancar tanpa sebarang kesalahan bacaan. Malah sejumlah 54.2% sampel yang dikaji tidak dapat menyempurnakan *nun sakinah*. Situasi ini juga berlaku disebabkan kemerosotan penguasaan al-Quran dalam kalangan murid sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia amat ketara.

Antara faktor penyebab kelemahannya ialah kurang minat dalam kalangan murid terhadap pelajaran ini serta kurang penekanan daripada pihak sekolah. Kerana ia tidak dinilai kepentingannya di dalam peperiksaan awam dan ianya juga sudah kurang dipraktikkan dalam masyarakat. Untuk mengembalikan semula al-Quran ke tahap yang sewajarnya, maka perlu satu tindakan reformasi dalam sistem pendidikan ke arah memartabatkan Pendidikan Islam (Amri Daud, 2005).

### Masa Hadapan Pendidikan Al-Quran

Al-Quran adalah mukjizat yang terbesar dan teragung dikurniakan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW melalui perantaraan malaikat Jibril untuk disampaikan kepada seluruh manusia di mana kandungannya padat dengan *wahyu Ilahi* untuk menerangi kegelapan dan membawa manusia ke arah kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Al-Quran wajib dipelajari kerana ia mempunyai fungsi dan sumbangan yang penting sebagai sumber serta panduan yang dapat menyelesaikan segala persoalan dan memenuhi segala kehendak manusia (Hanafi Mohamad, 1996).

Pendidikan al-Quran adalah mencakupi semua pendidikan manusia dalam segala segi hidupnya dan sepanjang usianya. "Kehidupan dunia ini" adalah diumpamakan sebagai menjalani satu perjalanan untuk persiapan kepada

kehidupan yang lebih baik iaitu di akhirat. Kerana itulah pendidikan al-Quran mengandungi kehidupan sekarang dan kehidupan akan datang secara serentak (Wahbah az-Zuhaili, 2005).

Melalui al-Quran, Allah SWT mendidik manusia supaya percaya kepada Allah sahaja sebagai Tuhan yang patut disembah dan meminta pertolongan, iaitu dari segi *Uluhiyyah* dan *Rubbubiyah* kerana Allah SWT sahajalah yang berkuasa (Mohd Yusuf Ahmad, 2000). Sebagaimana Allah SWT berfirman dalam surah al Baqarah, ayat 21 yang bermaksud: "Wahai manusia, sembahlah (beribadat kepada) Tuhan yang menjadikan kamu dan orang yang sebelum kamu semoga kamu bertakwa dan terpelihara dari seksaan".

Manusia dituntut untuk meyakini dan mengimani bahawa kitab suci al-Quran ini adalah kepunyaan Allah SWT dan bukan dicipta oleh Rasulullah SAW atau pun makhluk lain. Justeru itu, al-Quran wajar diangkat sebagai teras dan sumber rujukan utama yang mendasari seluruh aspek kehidupan dan diyakini sepenuh hati kebenarannya. Sebagai khalifah Allah Taala, setiap muslim berkewajipan memikul dan melaksanakan segala apa yang ditentukan oleh Allah SWT di dalam al-Quran (Hanafi Mohamad, 1996). Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al Baqarah, ayat 147 yang bermaksud: "Kebenaran itu adalah dari Tuhanmu, sebab itu janganlah kamu termasuk dalam golongan orang-orang bimbang".

Matlamat Pendidikan al-Quran dengan jelasnya membuktikan bahawa ajaran-ajaran yang terkandung di dalamnya mampu memberi kejayaan dalam pelbagai penyelidikan. Ahli sains mengambil al-Quran sebagai asas sains, ahli hukum mengeluarkan hukum daripada al-Quran, ahli falsafah membicarakan falsafah dalam al-Quran dan ahli pendidikan pula mengambil al-Quran sebagai dasar, kaedah, falsafah dan matlamat pendidikan (Mohd Yusuf Ahmad, 2004) dan ajarannya bukan sahaja membuka jalan kepada manusia untuk mengawal dan menghayati segala kebaikannya malah menjadi asas untuk meninggikan kekuatan iman dan mengakui kebesaran dan kekuasaan Allah SWT di samping membentuk akhlak dan peribadi mulia sebagai khalifah Allah di bumi yang fana ini.

### **Pendidikan al-Quran: Signifikan dan Pelaksanaan**

Memandangkan betapa pentingnya pendidikan al-Quran satu mesyuarat mengenai pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam KBSR dan KBSM pada 21 Januari 1994 telah bersetuju supaya murid dalam tahun satu di sekolah kebangsaan diberi tumpuan kepada pendidikan al-Quran dengan menggunakan kaedah Iqra'. Murid tahun satu dikehendaki memiliki buku kaedah Iqra' dan mengikuti kelas kemahiran al-Quran dalam jangka masa 6 bulan awal persekolahan 1994/1995.

Satu laporan kajian oleh Mohd Alwi Yussof, Adel M. Abdulaziz, dan Ahmad Kamel Mohamed (2003) menyatakan kaedah Iqra' pada umumnya memberi kesan baik terhadap pencapaian pengajaran al-Quran di sekolah rendah kebangsaan.

Sementara itu kajian yang dilakukan oleh Mohammad Naim (2003) tentang pencapaian tilawah al-Quran melalui kaedah Iqra' di sekolah Rendah Kebangsaan Daerah Setiu, Terengganu, mendapati 49.8% murid boleh membaca al-Quran dengan baik, manakala 35.4% masih berada di tahap buta huruf al-Quran.

Sehubungan itu melalui hasil kajian Amri Daud (2005) dalam kajiannya model enam bulan khatam al-Quran, dapatan ujian murid yang mengikuti program ini 75.8 % mencapai objektif dan terdapat 15.2% yang tidak boleh menguasai bacaan al-Quran. Ini menunjukkan pencapaian objektif ini agak sederhana.

### **Kepentingan Belajar dan Mengajar Al-Quran**

Al-Quran mempunyai kelebihan yang sangat banyak dan tinggi di sisi Allah SWT dan tuntutan mempelajari serta mengajarnya kepada orang lain juga sangat besar pahalanya. Oleh sebab itu al-Quran itu sendiri mempunyai kelebihan-kelebihan tertentu berbanding dengan kitab-kitab lain. Membaca al-Quran, belajar dan mengajarnya serta mengulang-ulangkannya juga mempunyai kelebihan yang besar dan mendapat ganjaran pahala berlipat kali ganda daripada Allah SWT (Wahbah az-Zuhaili, 2005). Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al Isra': 9, yang bermaksud: "Sesungguhnya al-Quran ini menunjukkan ke jalan yang paling lurus dan membawa berita gembira kepada orang mukmin yang mengerjakan amal soleh bahawa bagi mereka ganjaran yang besar".

Membaca al-Quran adalah ibadat yang diberi pahala oleh Allah SWT kepada pembacanya. Membaca al-Quran sangat digalakkan kepada umat Islam sehinggakan setiap huruf yang dibaca akan diberi sepuluh kebaikan. Perkara ini telah dinyatakan daripada Abdullah bin Mas'ud r.a. berkata, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Sesiapa yang membaca satu huruf daripada kitab Allah (al-Quran) maka satu huruf yang dibaca itu akan digandakan satu kebajikan, dan satu kebajikan itu akan digandakan menjadi sepuluh kebajikan. Aku tidak mengatakan Alif Lam Mim satu huruf, tetapi alif satu huruf, lam satu huruf dan mim satu huruf". (Riwayat al-Tarmizi).

Mereka yang terlibat dan bertanggungjawab dalam pengajaran al-Quran ini seperti guru al-Quran, para pendidik di sekolah maupun di Institusi Pengajian Tinggi mesti mendalami dan menyelami segala keistimewaan dan kelebihan yang terdapat di dalam isi kandungan al-Quran dalam usaha untuk disampaikan kepada para pelajar mereka dengan lebih berkesan lagi.

Bagi para pendidik dan khasnya guru al-Quran, mereka haruslah menyelami segala kelebihan al-Quran kemudian menyampaikan kepada para pelajar dari semasa ke semasa dengan tujuan untuk menyuburkan minda, cintakan al-Quran serta suka untuk mendengar, membaca dan mempelajari al-Quran (Mohd Yusuf Ahmad, 2000).

Oleh kerana banyak pahala yang Allah berikan kepada orang yang membaca al-Quran, maka syafaat yang besar juga akan diberi kepada pembacanya di hari Kiamat nanti sebagaimana Abu Umamah r. a. meriwayatkan dengan kata-katanya bahawa "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Maksudnya "bacalah Al-Quran, kerana sesungguhnya ia akan datang dihari kiamat memberi syafaat kepada pembacanya". (Riwayat Tarmizi)

Oleh itu perlu bagi mempelajari al-Quran itu, beradab dengan adab al-Quran dan berakhlak dengan akhlak al-Quran. Bukan sekadar untuk tujuan dunia, bahkan perlu diniat hendak mengamalkan serta mengaplikasikan dalam kehidupan seharian.

### Konsep Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran

Konsep pengajaran dan pembelajaran al-Quran seharusnya diketahui dengan lebih jelas supaya semasa berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan serta sesuai dengan kehendak agama Islam.

Pembelajaran al-Quran berdasarkan kefahaman ayat 121 surah al-Baqarah serta huraian oleh Assobuni (1996) bahawa pengajaran dan pembelajaran al-Quran memberi makna yang luas. Antaranya merangkumi perkara-perkara di bawah ini:

1. Mengetahui huruf-huruf al-Quran.
2. Boleh menyebut huruf-huruf al-Quran dengan betul dan jelas mengikut *makhraj* dan sifat-sifatnya.
3. Boleh membaca ayat-ayat al-Quran dengan betul dan fasih mengikut hukum Tajwid.
4. Boleh membaca al-Quran dengan suara dan lagu yang baik.
5. Mengetahui maknanya.
6. Memahami maksudnya.
7. Mengambil pengajaran dan iktibar daripada peristiwa dalam kisah-kisah al-Quran.
8. Mengamalkan suruhan dan menjauhi larangan al-Quran.
9. Menghayati ajaran dan akhlak al-Quran dalam setiap tindakan.
10. Menghafaz ayat-ayat al-Quran. Jika tidak mampu hafaz keseluruhan al-Quran, mestilah ada usaha untuk menghafaz sebahagiannya atau sekadar perlu untuk dibaca dalam solat dan wirid-wirid tertentu.
11. Mengajar al-Quran kepada orang lain. Ini adalah berdasarkan kepada sabda Nabi SAW bermaksud: "Sebaik-baik kamu ialah orang yang belajar dan mengajar al-Quran".

Berdasarkan kepada perkara-perkara dibentangkan di atas, dapat difahami dan kesimpulannya bahawa mengajar dan belajar al-Quran itu sangat luas maksudnya dan merangkumi:

1. *Tilawah*: Iaitu boleh membaca al-Quran dengan baik dan fasih.
2. *Tafahhum* dan *Tafsir*: Iaitu mengetahui makna dan faham maksud ayat-ayat yang dibaca.
3. *Tatbiq*: Bermaksud menghayati atau merealisasikan ajaran al-Quran dalam hidupnya dengan sepenuh hati dalam semua aspek kehidupan.
4. *Tahfiz*: Bermaksud menghafaz ayat-ayat tertentu dari al-Quran untuk amalan, bacaan dalam solat dan wirid-wirid. Jika dapat menghafaz keseluruhannya adalah sangat baik.
5. *Tarannum*: Ini bermaksud membaca al-Quran dengan suara yang baik dan merdu serta dengan lagu yang sesuai. Lagu ini mestilah lagu al-Quran.
6. *Ta'lim*: Kalimah ini bermakna mengajar. Maksudnya berusaha belajar sehingga boleh mengajar orang lain. Dengan cara ini al-Quran boleh berkembang dari satu masyarakat ke satu masyarakat dan dari satu generasi ke satu generasi (Mohd Yusuf, 2000).

### Pembelajaran dan Bacaan Al Quran: Isu dan Cabaran

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran terdapat segelintir murid peringkat menengah tidak dapat membaca al-Quran langsung (buta al-Quran) dan

permasalahan ini perlu dielakkan dalam kalangan murid Islam. Satu kajian yang telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang mendapati ramai murid Islam lepasan sekolah rendah tidak tahu membaca al-Quran apabila mereka berada di sekolah menengah malah tidak ada usaha-usaha mereka untuk mempelajari al-Quran apabila mereka dewasa (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2004).

Fenomena ini telah memberi kesan yang tidak sihat dalam kalangan murid di peringkat sekolah menengah dan menyebabkan mereka tidak berminat dan kurang memberi perhatian untuk mempelajari Tilawah Al-Quran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah serta dalam aktiviti membaca al-Quran sama ada secara individu atau berkumpulan.

Terdapat dalam kalangan murid juga yang tidak mengenal huruf *hijaiyyah* al-Quran serta tidak dapat membacanya dengan lancar ketika pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran al-Quran; hal ini telah menyulitkan pendidik bagi pelaksanaannya.

Mohd Yusuf Ahmad dalam laporan kajian Penguasaan Tilawah al-Quran (1997) ke atas 26 orang pelajar menunjukkan tidak ada seorang pun pelajar yang dapat membaca al-Quran dengan lancar tanpa sebarang kesalahan bacaan. Begitu juga satu kajian yang dilakukan di sebuah sekolah menengah di Jitra mendapati bahawa pelajar menghadapi masalah untuk mempraktikkan hukum tajwid dalam bacaan al-Quran walaupun mereka telah mengetahuinya secara teori (Ahmad Abdul Ghani, 1997).

Kajian yang dilaporkan oleh Maimunah (1995) tentang kemahiran membaca al-Quran dalam kalangan murid Tingkatan 1, mendapati keseluruhan tahap penguasaan tilawah al-Quran murid Tingkatan 1 masih berada di tahap kurang memuaskan. Dapatan kajian juga menunjukkan murid yang cepat khatam al-Quran mempunyai tahap kemahiran penguasaan bacaan al-Quran yang baik. Mereka mendapat markah yang tinggi dalam pencapaian tajwid bertulis, pencapaian tajwid bacaan dan pencapaian sebutan. Manakala bagi murid yang belum khatam al-Quran semasa berada di tingkatan 1, mereka mendapat markah yang rendah.

Sehubungan dengan masalah pembelajaran al-Quran, antara sebab utama kelemahan yang membelenggu murid dari menguasai kemahiran al-Quran adalah Kurikulum Tilawah Al-Quran yang banyak. Kurikulum Tilawah Al-Quran yang banyak merupakan masalah utama yang menyumbang kepada kelemahan mereka. Di samping itu, bilangan murid yang ramai di dalam kelas juga menjadi sebab kelemahan penguasaan kemahiran al-Quran. Hal ini turut dipersetujui oleh Jemaah Nazir Persekutuan 1994, yang menyatakan bahawa bilangan murid dalam kelas yang ramai mengurangkan peluang guru mendengar dan memperbetulkan bacaan murid secara talaqi dan musyafahah serta membuat aktiviti pengukuhan.

Seterusnya peruntukan masa yang singkat bagi pengajaran dan pembelajaran di sekolah juga tidak mencukupi untuk guru mencapai objektif pengajaran. Kenyataan ini dikemukakan oleh mereka yang menjawab balas persoalan masyarakat terhadap kelemahan murid membaca al-Quran. Dapatan kajian yang dijalankan oleh Farehan Mohd Hani (2000) menunjukkan bahawa kesemua 100 orang responden kajian beliau yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 bersetuju dengan kenyataan bahawa mempelajari al-Quran di sekolah adalah tidak mencukupi. Majoriti besar daripada mereka juga

menyatakan bahawa mereka memperolehi kemahiran membaca al-Quran daripada ibu bapa mereka dan bukan daripada sekolah. Guru Pendidikan Islam tidak dapat meningkatkan penguasaan bacaan al-Quran muridnya tanpa sokongan dan bantuan ibu bapa, rakan sebaya dan murid itu sendiri.

Antara masalah lain ialah pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan, teknik pengajaran al-Quran yang kurang berkesan, kelemahan dan kekurangan guru serta ibu bapa dalam kemahiran membaca al-Quran, ketiadaan budaya membaca al-Quran dan pembelajaran yang terlalu menekankan kaedah-kaedah tajwid tanpa menitik beratkan aplikasi hukum-hukum tajwid di dalam bacaan al-Quran.

### *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran*

Setiap perkara yang dilakukan supaya mendapat hasil yang baik dalam apa juga aktiviti sama ada permainan, kepimpinan, perniagaan dan sebagainya, haruslah melalui langkah-langkah, teknik dan atur cara yang sesuai. Begitu juga dalam pengajaran dan pembelajaran, ia memerlukan kaedah dan teknik yang sesuai untuk mendapat kesan yang lebih mantap. Oleh itu seseorang yang ingin menguasai kemahiran membaca al-Quran perlu mempelajari serta menjalani latihan-latihan bacaan mengikut cara dan kaedah yang betul. Perkara yang utama sekali ialah boleh membaca al-Quran dengan betul, baik dan fasih sebutan huruf-hurufnya (Salim, 1982, dalam Mohd Yusuf Ahmad, 1997).

Allah SWT menghendaki kita mempelajari al-Quran secara beransur-ansur dan membaca serta mempelajari ayat-ayat yang paling mudah terlebih dahulu supaya ia mudah diikuti, difahami dan dihayati. Cara ini yang boleh mengelakkan rasa jemu. Ini dibuktikan di dalam surah al Muzammil, ayat 20 yang bermaksud: "Maka hendaklah kamu baca apa-apa yang mudah bagi kamu dari al-Quran."

Hassan Mahmud al Hafiz (1987) merumuskan bahawa cara pengambilan al-Quran daripada guru terbahagi kepada dua metod utama:

1. Metod al-Mutaqaddimin dan
2. Metod al-Mutaakhirin.

Metod al-Mutaqaddimin merujuk kepada kaedah di mana guru membaca di hadapan murid dan murid hanya mendengarkan sahaja cara bacaan guru. Metod al-Mutaakhirin pula merujuk kepada kaedah di mana murid membaca di hadapan guru dan guru hanya memperdengarkannya sahaja. Walaupun begitu beliau berpendapat adalah lebih baik jika dapat digabungkan antara kedua-dua kaedah tersebut seandainya suasana membenarkan dan sesuai dengan masa dan tempat. Cara ini juga menurut ulama' amat berfaedah bagi melatih lidah mampu menyebut huruf-huruf al-Quran dengan betul.

Di samping itu proses pembelajaran al-Quran perlu dilakukan secara *talaqqi* dan *musyafahah* sebagaimana cara Rasulullah SAW menerima wahyu daripada malaikat Jibril. Selain itu bacaan secara tadwir (sederhana perlahan/cepat) juga dibenarkan terutamanya bagi hafiz al-Quran yang telah lancar membaca ayat-ayat al-Quran (Mohd Yusuf Ahmad, 2000). Perkataan *talaqqi* membawa maksud berdepan manakala *musyafahah* ialah bercakap dengan seseorang secara berdepan (az-Zarqani, 1995). Oleh itu, untuk melahirkan individu yang mahir dalam penguasaan bacaan al-Quran mengikut

bacaan dan hukum tajwid yang betul, mereka mesti mempelajarinya daripada guru al-Quran yang mahir dan arif serta pakar ilmu ini.

Al-Kailani (1986) menjelaskan bahawa kaedah yang digunakan semasa mengajar al-Quran harus dipadankan dengan objektif pengajaran tersebut. Jadi pendidik harus terlebih dahulu merancang apakah objektif pengajarannya dan siapa pelajarnya, kemudian baru memilih kaedah mana yang sesuai. Beliau menggariskan lima perkara penting sebagai panduan guru memilih kaedah mengajar al-Quran, iaitu:

1. Kaedah yang dipilih mesti selaras dengan tujuan dan objektif pengajaran.
2. Kaedah mesti sesuai dengan mata pelajaran yang diajar.
3. Kaedah yang digunakan mesti sepadan atau setara dengan umur pelajar.
4. Guru harus mampu menggunakan atau mengaplikasikan kaedah yang dipilih.
5. Masa harus mencukupi apabila mengapikasi mana-mana kaedah.

Berdasarkan kepada panduan di atas, guru haruslah bijak memilih dan mengaplikasikan mana-mana kaedah yang sesuai dengan masa, tempat dan keadaan mengikut tahap pencapaian pelajar, umur serta kemampuan guru itu sendiri. Tanpa ada kesesuaian ini pengajaran dan pembelajaran menjadi kurang berkesan.

Di samping itu, mengikut teori Wolberg (1984) di mana kualiti pengajaran seorang guru merupakan satu daripada sembilan faktor yang mempengaruhi pembelajaran. Kaedah pengajaran yang berkualiti mestilah menarik minat pelajar, kreatif, inovatif, selalu mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran serta bahan bantu mengajar yang sesuai. Selain itu gaya penyampaian guru perlu dijaga supaya tidak membosankan pelajar serta sering mengadakan aktiviti yang menggalakkan penglibatan pelajar dan bukannya bergantung kepada buku teks semata-mata. Oleh yang demikian, seseorang yang hendak mempelajari bacaan al-Quran mestilah bergurukan individu yang berkelayakan dan mahir dalam bidang berkenaan. Seorang guru pula mesti memperluaskan dirinya dengan kemahiran yang perlu sehingga bacaannya boleh menjadi contoh dan diikuti oleh anak-anak muridnya dan mengetahui pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran serta kebijaksanaannya supaya dapat menarik minat murid untuk mempelajarinya.

Ghazali (2004) menyatakan untuk mencapai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran membaca al-Quran dan penghayatannya memerlukan kaedah pengajaran guru yang berkesan. Antaranya melalui kaedah latih tubi, bermusyafahah secara individu dan kumpulan. Manakala aspek membaca, menghafaz, memahami dan menghayatinya memerlukan aktiviti-aktiviti yang melihat, mendengar, menyebut, memahami, mengenal dan menghayati.

Guru juga harus mampu untuk memperdengarkan bacaan al Quran yang baik dan fasih di hadapan muridnya sehingga boleh menimbulkan perasaan khusyuk, tenang dan lega bila mendengarnya. Dengan demikian menimbulkan minat kepada pelajar untuk terus mendengar bacaan ayat al-Quran. Memang naluri manusia suka mendengar suara atau bunyi yang merdu kerana bunyi yang merdu itu boleh menambat hati dan memberi kesan kepada jiwa. Oleh kerana guru tidak mampu memperdengarkan sesuatu yang merdu dari al-Quran, maka menjadikan pengajarannya hambar dan tidak menarik. Ini menyebabkan pelajar tidak minat kepada al-Quran, lantas mereka mencari bunyi-bunyian lain yang dianggap lebih merdu walaupun kita tidak menganggapnya merdu serta tidak pula harmoni, malah dalam banyak hal, berdosa pula (Mohd Yusuf Ahmad, 2000).

Kesedaran guru bahawa al-Quran ialah kalam Allah yang Qadim. Bacaannya ibadat dan mesti dibaca dengan betul, terang dan fasih mengikut bahasa Arab yang fasih. Kesalahan membacanya dikira salah dan haram. Jadi guru harus mencuba sedaya yang mungkin tidak bersalah bacaan pada masa akan datang yang mana kesalahan itu akan berpanjangan hingga ke akhir hayat. Justeru itu bagi menghasilkan pelajar yang mahir membaca al-Quran mengikut hukum bacaannya yang betul, mereka mesti mempelajari al-Quran dengan guru yang mahir dan arif tentang ilmu-ilmu al-Quran. Oleh itu, guru sebagai tenaga pengajar di sekolah memainkan peranan yang penting bagi membantu pelajar menguasai bacaan al-Quran dengan baik. Penggunaan teknik dan kaedah yang sesuai seperti memperdengarkan bacaan yang fasih dengan suara yang merdu, memupuk perasaan cinta terhadap al-Quran, menunjukkan cara baca yang betul dan jelas, menegaskan kepentingan dan kelebihan membaca al-Quran serta menjelaskan petunjuk dan panduan yang tersirat dalam maksud ayat-ayat al-Quran boleh membantu pelajar menguasai kemahiran al-Quran dengan lebih baik lagi (Mohd Yusuf Ahmad, 2000). Kenyataan ini disokong oleh Siti Fatimah (2002), yang menyatakan bahan kaedah mengajar merupakan faktor terpenting dalam pengajaran dan pendidikan. Ianya akan menentukan keberkesanan pengajaran yang disampaikan oleh seseorang guru.

Menurut kajian yang dilaporkan oleh Nik Salida Maizah (2004), teknik dan pengajaran guru yang berkesan telah membantu 70.6% sampel berminat untuk belajar al-Quran walaupun 14.7% hanya mampu di aras baik dan 23.3% tidak berminat dan tidak menguasai Tilawah Al-Quran dan mendapat keputusan peperiksaan yang berada di tahap lemah. Menurut Nurul Amali Mohd Shamsudin (2004), dalam dapatan hasil kajiannya menunjukkan bahawa majoriti guru (71.7%) yang mengajar Pendidikan Quran dan Sunnah di Selangor telah memperuntukkan waktu bagi mengajar Tilawah kepada pelajar. Namun demikian, terdapat sebilangan guru (28.9%) yang menafikan pengajaran tilawah sebagai salah satu objektif utama mata pelajaran ini. Dapatan juga menunjukkan terdapat perbezaan antara guru dalam memperuntukkan waktu bagi mengajar Tilawah kepada murid dan kaedah yang digunakan dalam pengajaran Tilawah bagi mata pelajaran ini tidak banyak membantu murid untuk menguasai kemahiran membaca al-Quran .

### **Rumusan**

Situasi hari ini meletakkan pembelajaran al-Quran sekadar memenuhi kurikulum sekolah dan tidak mempunyai kesedaran sebagai satu tuntutan Fardu Ain. Oleh itu sampai hari ini masih dipertikaikan keberkesanan pembelajaran al-Quran di sekolah yang mengatakan bahawa pembelajaran al-Quran belum berjaya sepenuhnya terhadap murid. Perkara yang penting adalah perlu berikhtiar mencari jalan dan penyelesaian yang wajar bagi mempertingkatkan kebolehan penguasaan al-Quran dalam kalangan murid. Tanpa usaha yang berkesan, generasi al-Quran yang dicita-citakan tidak akan wujud. Pembentukan generasi al-Quran ini bukanlah usaha yang mudah. Banyak pihak yang perlu terlibat dan bekerjasama dalam merealisasikan impian ini. Segalanya harus bermula dari anak-anak hari ini yang diasuh, dididik dan dibimbing dengan secukupnya ke arah mencintai al-Quran. Masyarakat juga memandang pembelajaran al-Quran tidak penting dan kurang dimanfaatkan dalam kehidupan

harian mereka. Oleh itu, cukup dengan mengetahui asas-asas ilmu al-Quran sahaja tanpa ada keinginan untuk menguasai ilmu-ilmu al-Quran secara mendalam bahkan dianggap remeh.

Satu perkara yang perlu dititikberatkan juga, mentaliti masyarakat Islam kini amat kurang membaca, apatah lagi mendalami ilmu. Sedangkan di dalam al-Quran telah termaktub melalui surah al-Alaq 1-5, yang bermaksud: "Bacalah dengan menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmu yang paling pemurah. Yang mengajar manusia dengan perantara kalam. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya."

Ibu bapa merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat yang memainkan peranan penting untuk membimbing anak-anak mereka dengan pendidikan al-Quran supaya dapat menguasai al-Quran dan mengamalkannya serta menghayati al-Quran dalam kehidupan seharian mereka. Laporan Mohd Nasir (2001) dalam kajiannya mendapati faktor ibu bapa adalah penting untuk menentukan tahap penguasaan tilawah al-Quran anak-anak mereka. Sikap ibu bapa yang tidak prihatin dengan pendidikan anak-anak terutama pendidikan al-Quran akan mengakibatkan berlakunya keciciran dalam menguasai tilawah al-Quran. Kemudian Abd. Rahman Hassan (1999), dalam kajiannya tentang bentuk-bentuk pengajian al-Quran di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) mendapat masih banyak kelemahan dalam kalangan murid tersebut. Antara faktor kelemahan membaca al-Quran secara fasih dan bertajwid adalah sikap ibu bapa. Terdapat 60% daripada ibu bapa yang menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab mendidik anak-anak mereka kepada guru al-Quran. Ibu bapa tidak mengambil berat tentang pencapaian anak-anak mereka. Anak-anak hanya membaca di hadapan guru tanpa mengulangkaji di rumah.

Di samping itu Cohen (1994) dan Chomsky (1972) berpendapat bahawa ibu bapa perlu menyediakan suasana atau iklim pembelajaran yang sesuai di rumah untuk anak-anak mereka. Alam persekitaran yang sesuai mendorong pembentukan kemahiran-kemahiran asas dalam pembelajaran seperti menolong kanak-kanak memahami maksud dan makna perkataan yang didengari setiap hari serta mendorong kanak-kanak menggunakan bahasa pertuturan yang berkesan. Cohen (1994), dan Chomsky (1972) menyatakan bahawa pembacaan adalah satu proses pembelajaran yang memerlukan asas bahasa yang kukuh dan penglibatan ibu bapa.

Guru-guru Pendidikan Islam mesti mempelbagaikan kaedah atau teknik pembelajaran al-Quran supaya dapat menarik minat murid dan mereka juga perlu didedahkan dengan menghadiri kursus khas bagaimana mengajar al-Quran dengan lebih berkesan dan juga bersesuaian. Perkara-perkara yang disebutkan tadi menjadi pendorong bagi melahirkan setiap muslim celik al-Quran yang memikul tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi. Pemerksaan pendidikan al-Quran perlu dimartabatkan kepada setiap generasi supaya al-Quran itu tidak hanya sekadar menjadi perhiasan tulisan yang cantik sahaja tetapi ianya dipraktikkan dalam setiap jiwa manusia yang inginkan kedamaian dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

## Rujukan

- Akta Pendidikan. (1996). Kuala Lumpur: ILBS.
- Al-Quran Al-Karim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Halim Mahmud. (1985). *Al-Quran wa al-Babi*. Ctk.2. Cairo: Dar al-Ma'rif.
- Abd. Rahman Mat Hassan. (1999). *Satu kajian penguasaan bahasa al-Quran di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Abdul Ghani. (1997). *Tahap penguasaan pembacaan al-Quran di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Al-Kailani. (1986). *Al-Taujih al-Fanni fi usul al-Tarbiyyah wa al-Tadris*. Beirut: Maktabah Lebanon.
- Amri Daud. (2005). *Kajian keberkesanan pelaksanaan program j-QAF di dua buah sekolah rintis di Terengganu*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Assobuni, Muhammad Ali. (1996). *Sejarah dan dasar pengajian ilmu al-Quran*. Terj. M. Junaid Al-Hashimi. Kuala Lumpur: Pustaka Hidayah.
- Az-Zarqani, Muhammad Abd Azim. (1995). *Manahilul 'irfan fi ulumul al-Quran*. Beirut: Darul Kitab al-Arabi.
- Chomsky, N. (1972). *Syntactic structure*. The Hague: Mouton.
- Cohen, L. (1994). *Assessing language ability in the classroom*. Boston: Heinle & Heinle.
- Farehan Mohd. Hani. (2000). *Kemahiran membaca nun sakinah di kalangan pelajar tingkatan tiga di sebuah sekolah menengah di daerah Petaling*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ghazali Darusalam. (2004). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Hanafi Mohamad. (1996). *Falsafah pendidikan menurut al Quran*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Hassan Mahmud al Hafiz. (1987). *Ilmu tajwid al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka al Mizan.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2002). *Sukatan pelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral.
- Laporan Jawatankuasa Kabinet. (1979). *Mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran KPM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Maimunah Ismail. (1995). *Kemahiran membaca al-Quran di kalangan pelajar tingkatan 1: Satu kajian kes*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohammad Naim Mat Salleh. (2003). *Pencapaian tilawah al-Quran melalui kaedah Iqra' di Sekolah Kebangsaan Setiu, Terengganu*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Nasir Mohd Hasbullah. (2001). *Analisis kesilapan bahasa al-Quran di kalangan pelajar sekolah menengah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Fakulti Bahasa.
- Mohd. Yusuf Ahmad. (1997). *Laporan kajian penguasaan Jawi di sekolah rendah*. Projek IRPA, Intervensi Sekolah Rendah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Mohd. Yusuf Ahmad. (2000). *Sejarah dan kaedah pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd. Yusuf Ahmad. (2004). *Falsafah dan sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Alwi Yusoff, Adel M. Abdulaziz, & Ahmad Kamel Mohamed. (2003). *Keberkesanan iqra' sebagai kaedah pembelajaran membaca al-Quran*. Kuala Lumpur: Mes Enterprise.
- Nik Salida Maizah Nik Saleh. (2004). *Kajian antara penguasaan al-Quran dengan pencapaian dan minat pelajar dalam Pendidikan Islam*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nurul Amali Mohd Shamsudin. (2004). *Kajian pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran di Sekolah Menengah Agama Negeri*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. (1996). *Penilaian kendalian sekolah*. Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Siti Fatimah binti Sudin. (2002). *Pembacaan al-Quran di kalangan mahasiswa Melayu: Satu kajian di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam Selangor*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Wahbah az-Zuhaili. (2005). *Al-tafsir munir fil-aqidah wa-shariah wal-manhaj* (Ctk. 5). Damascus: Dar al-Fikr.
- Wolberg, L. R. (1984). *Hypnoanalysis*. New York: Grune & Stratton.